

Dinar: Buktikan Islam mampu urus ekonomi

Oleh **JUM 24 OCT 2002**
ZULKIFLI JALIL
dan **MARHAINI KAMARUDDIN**

KUALA LUMPUR 23 Okt. — Perdana Menteri berkata, kesepakatan negara-negara Islam menggunakan dinar emas dalam perdagangan akan dapat membuktikan kepada dunia kemampuan mengurus ekonomi secara teratur.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, kejayaan itu kelak lebih berkesan untuk menghadapi musuh-musuh Islam daripada penggunaan kekerasan yang sia-sia.

Beliau juga yakin dinar emas sudah tentu boleh menjadi mata wang perdagangan bagi semua negara dan tidak semestinya menjadi mata wang bagi negara Islam.

"Tetapi negara Islam berada pada kedudukan terbaik bagi menunjukkan kemampuan sistem itu untuk berdiri sendiri.

"Mereka dalam kedudukan mengurus ekonomi secara rasional dan dalam proses itu membuktikan kepada dunia yang mereka mampu mencapai pertumbuhan dengan stabil dan dalam keadaan aman," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menutup Seminar Antarabangsa Dinar Emas Dalam Perdagangan Pelbagai Hala anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di sini, hari ini.

Perdana Menteri bagaimanapun menjelaskan bahawa nilai perdagangan di antara negara-negara Islam kini amat kecil.

"Kita tidak bercadang mahu mengurangkan perdagangan dengan bukan Islam tetapi kita patut berusaha meningkatkan perdagangan di antara negara Islam," katanya.

● Rumusan Seminar Dinar Emas — di muka 8

Menurutnya, penggunaan dinar emas akan membentuk sistem pembayaran dan perdagangan mata wang tersendiri yang melindungi negara Islam daripada rejim kewangan antarabangsa yang hanya memberi faedah kepada negara kaya dan berkuasa.

Beliau berkata, negara-negara Islam tidak perlu bercita-cita terlalu tinggi untuk melancarkan dinar emas bagi perdagangan pelbagai hala sekali gus.

"Dua negara dengan tahap dagangan yang

agak berimbang boleh mula menggunakan dinar emas bagi perdagangan dua hala.

"Sebarang masalah yang timbul boleh diselesaikan dan sistem berkenaan diperbaiki," katanya.

Selepas masalah yang dikenal pasti diselesaikan, menurut beliau, perdagangan menggunakan dinar emas boleh diperluaskan secara berperingkat-peringkat melibatkan lebih banyak negara.

Bagi Dr. Mahathir, dinar emas mempunyai nilai sejati yang menjadikannya paling sesuai sebagai tukaran untuk perdagangan antara negara.

"Sekiranya kita menilai semua barang dagangan dengan emas, kita tidak akan ada masalah dengan kadar tukaran wang. Kita tahu sebagai jalan terakhir, kita boleh mencairkan emas itu dan menjualnya di pasaran.

"Anda tidak boleh melakukannya dengan mata wang kertas, apatah lagi dengan angka-angka di komputer," katanya.

Beliau bagaimanapun menegaskan dinar emas adalah eksklusif untuk perdagangan antarabangsa dan bukannya digunakan sebagai mata wang dalam urusan dalam negara.